

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI  
PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT  
DAERAH PADANG TERAP, KUALA NERANG, KEDAH

OLEH

PARDAH BINTI HASYIMA  
SARJANA MUDA PENGURUSAN  
( POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL )

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA  
JABATAN EKOLOGI SOSIAL  
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI  
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA  
( KUSTEM )

2006

6/3382

1100045547

LI 10 FPE 2 2006



1100045547

## Laporan akhir latihan industri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah / Faridah Hashim.



PERPUSTAKAAN

KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA  
21030 KUALA TERENGGANU

1100045547

**i100045547**

Lihat sebelah

HAK MILIK  
PERPUSTAKAAN KUSTEN

## PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini, saya Faridah binti Hashim (UK10062) mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus SOS 4299 ini adalah hasil kerja saya sendiri. Segala bentuk penulisan dan data-data yang terkandung di dalam laporan ini adalah merupakan pendapat dan pandangan saya sendiri yang diaplikasikan melalui teori dan pengalaman sepanjang menjalani Latihan Industri di Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah ini. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) dan Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama : Faridah binti Hashim

Tarikh : 17 September 2006

Disahkan oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia

## PENGHARGAAN

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh / salam sejahtera

Alhamdulillah syukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan izinnya dapat saya menamatkan Latihan Industri pada 9 Julai 2006 selama 12 minggu berada di Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah dan menyiapkan Laporan Industri (SOS 4299) yang telah diwajibkan kepada setiap pelajar jurusan Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial. Jutaan terima kasih saya kepada pihak pentadbiran KUSTEM terutama pensyarah-pensyarah di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi yang telah bertungkus-lumus bagi mengendali serta menguruskan tempat Latihan Industri bagi para pelajar untuk mempraktikkan segala ilmu yang dipelajari dan ilmu pengetahuan yang diperolehi selama berada di pusat pengajian.

Ucapan sekalung jutaan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa dan keluarga yang tersayang, yang telah banyak memberi sokongan dan dorongan yang besar kepada saya semasa menjalani Latihan Industri. Dengan limpahan kasih sayang, harapan dan keredhaan mereka, saya yakin dapat melakukan yang terbaik dalam kehidupan ini. Sesungguhnya keredhaan mereka adalah datang dari Allah S.W.T juga.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih juga saya ucapkan kepada penyelia Latihan Industri saya iaitu Dr. Fadzli Adam yang banyak memberi tunjuk ajar serta kepada En. Syahrin Said pensyarah di KUSTEM yang memberi dorongan kepada saya dan tidak lupa juga kepada Penyelia Latihan Industri En Faizal bin Abu Bakar selaku Pegawai di pejabat tersebut yang banyak memberi maklumat dan tunjuk ajar kepada saya sepanjang Latihan Industri. Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada staf-staf dan kakitangan-kakitangan yang berada di jabatan tersebut kerana banyak memberi tunjuk ajar kepada saya semasa saya berada di jabatan tersebut.

Selain itu, ucapan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama menjalani latihan industri di jabatan ini iaitu Mastura,Nurul Ashikin serta Sarah iaitu masing-masing merupakan pelajar dari Kolej Komuniti dan University Islam Antarabangsa. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan yang sentiasa memberi semangat dan dorongan terutama Rabiahon Adawiyah Ibrahim, Noraini Mohd Ariffin, Norsuhada Ibrahim, Zaifah Yusof dan Nazirah Bt Yusof di mana mereka ini telah banyak membantu saya secara langsung dan tidak langsung semasa saya menjalani Latihan Industri. Terima kasih saya ucapkan dan semoga segala jasa kalian semua akan dibalas dengan kerahmatan daripada Allah S.W.T.

Sekian, terima kasih.

# **SENARAI KANDUNGAN**

<b>PERKARA</b>	<b>HALAMAN</b>
PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN	i
PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
RINGKASAN EKSEKUTIF	vii
<b>2.1 BAB 1 : LATAR BELAKANG PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT, DAERAH PADANG TERAP.</b>	
<b>1.1 PENGENALAN</b>	<b>1</b>
1.1.1 Sejarah Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia	1
1.1.2 Sejarah Pejabat Kebajikan Masyarakat Negeri	2
1.1.3 Sejarah Pejabat Kebajikan Masyarakat Daerah Padang Terap	4
1.1.4 Misi Jabatan	7
1.1.5 Visi Jabatan	7
1.1.6 Moto Jabatan	8
1.1.7 Objektif Jabatan	8
1.1.8 Matlamat Jabatan	8
1.1.9 Kod Etika Jabatan Kebajikan Masyarakat	9
1.1.10 Kumpulan Sasar Jabatan	10
1.1.11 Piagam Jabatan Kebajikan Masyarakat	11
<b>1.2 STRUKTUR ORGANISASI JABATAN KEBAJIKAN MASYARAKAT DAERAH PADANG TERAP.</b>	<b>12</b>
1.2.1 Carta Organisasi Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Padang Terap	
<b>1.3 PERANAN DAN AKTIVITI UNIT PENTADBIRAN DAN UNIT PEKERJAAN</b>	<b>13</b>
1.3.1 Unit Pentadbiran	13
1.3.2 Unit Pekerjaan	14

1.4 KEMAHIRAN YANG DIPELAJARI SEPANJANG LATIHAN INDUSTRI.	14
1.4.1 Berkomunikasi Dengan Pegawai Atasan Serta Para Pelanggan Dengan Berkesan	16
1.4.2 Kemahiran Dalam Membuat Fail Meja	17
1.4.3 Mengurusetia Mesyuarat Kemahiran Meningkat Mutu Kerja (KMK).	17
1.5 KESIMPULAN	18

## BAB 2 : PENGENALPASTIAN SISTEM, MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1 PENGENALAN	19
2.2 MENGESEN SISTEM YANG SEDIA ADA	20
2.2.1 Sistem Agihan Bantuan	20
2.2.2 Sistem fail	21
2.2.3 Sistem Cuti Kakitangan	22
2.2.4 Sistem Penerimaan Aduan	23
2.2.5 Sistem Kaunter	23
2.3 MENGENALPASTI MASALAH YANG TIMBUL DI PEJABAT KEBAJIKAN MASYARAKAT, DAERAH PADANG TERAP.	24
2.3.1 Budaya Kerja Yang Negatif	25
2.3.2 Fail Tidak Dikemaskini.	25
2.3.3 Keadaan Pejabat Yang Kecil Dan Sempit.	25
2.3.4 Bilik Kaunseling Yang Tidak Sesuai	26
2.3.5 Kekurangan Sumber Internet	26
2.3.6 Masalah Bekalan Elektrik	27
2.3.7 Kurang Kemahiran Penggunaan Komputer (IT)	27
2.3.8 Tiada Kenderaan Yang Khusus Untuk Membuat Siasatan Kes	28
2.3.9 Masalah Komunikasi	28
2.4 CADANGAN PENYELESAIAN	29
2.4.1 Mengadakan Program Latihan	30
2.4.2 Menukar Sistem Fail Kepada Sistem Pengkomputeran.	31

2.4.3 Menghantar Kakitangan Ke Kursus Teknologi Maklumat	31
2.4.4 Menambahkan Kemudahan Yang Sedia Ada	32
2.4.5 Penekanan Dalam Etika Kerja	33
2.4.6 Memotivasi Pekerja	34
2.4.7 Menggunakan Konsep Penandaarasan	35
2.4.8 Kes Hendaklah Membawa Orang Yang Dapat Memahaminya	35
<b>2.5 KESIMPULAN</b>	<b>36</b>
<b>BAB 3: ANALISIS KEKUATAN, KELEMAHAN, PELUANG DAN ANCAMAN (SWOT)</b>	
<b>3.1 PENGENALAN</b>	<b>37</b>
<b>3.2 ANALISIS KEKUATAN (<i>Strengths</i>)</b>	<b>38</b>
3.2.1 Pengurusan Sumber Manusia Yang Efektif	39
3.2.2 Hubungan Pekerja-Majikan Yang Baik	40
<b>3.3 ANALISIS KELEMAHAN (<i>Weaknesses</i>)</b>	<b>41</b>
3.3.1 Masalah Disiplin	41
3.3.2 Saiz Ruang Pejabat Yang Kecil	42
<b>3.4 ANALISIS PELUANG (<i>Opportunities</i>)</b>	<b>43</b>
3.4.1 Berkomunikasi Dengan Pegawai Atasan Serta Para Pelanggan Dengan Berkesan	43
<b>3.5 ANALISIS ANCAMAN (<i>Threats</i>)</b>	<b>44</b>
3.5.1 Pengurusan Fail Yang Tidak Sistematik	44
<b>3.6 KESIMPULAN</b>	<b>46</b>
<b>BAB 4: PENUTUP</b>	
<b>RUJUKAN</b>	
<b>LAMPIRAN</b>	

## RINGKASAN EKSEKUTIF

Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM), Fakulti Pengurusan dan Ekonomi telah menetapkan syarat wajib Latihan Industri (SOS 4299) ke atas pelajarnya Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial) iaitu sebanyak 6 jam kredit.

Latihan Industri ini merupakan sebahagian syarat kepada pelajar Fakulti Pengurusan dan Ekonomi sebelum bergraduat dan dianugerahkan Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial). Latihan Industri ini diadakan dengan tujuan memberi peluang kepada pelatih untuk belajar melalui pemerhatian dan penglibatan secara langsung sesuatu bidang pekerjaan yang diceburi. Selain itu, pelatih juga berpeluang menimba sebanyak mungkin pengalaman dan mempelajari aspek pentadbiran dan pengurusan organisasi sesebuah agensi samaada jabatan swasta, badan berkanun ataupun kerajaan yang terlibat.

Disamping itu, para pelajar juga dapat mengetahui dan menilai kriteria-kriteria tertentu yang perlu ada pada diri seseorang individu supaya dapat memajukan diri sendiri dan masyarakat persekitarannya. Keadaan ini pasti memberikan pengalaman pertama kepada para pelajar khususnya yang dikatakan alam pekerjaan.

Selain itu, para pelajar juga dapat melihat sausana pekerjaan seperti etika, budaya dan sebagainya. Selain itu, latihan industri juga dapat memupuk keyakinan diri yang tinggi dalam diri para pelajar khususnya dalam kemahiran berkomunikasi, membuat perancangan dan keputusan selaras sebagai seorang pelajar Sarjana Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial).

Pelatih telah menjalani latihan Industri di Pejabat Kebajikan Masyarakat, Daerah Padang Terap bagi tempoh 12 minggu dari 17 April 2006 hingga 9 Julai 2006. Sehubungan itu, pelatih juga telah diselia oleh 2 orang penyelia iaitu En Mohd Faizal bin Abu Bakar selaku Pegawai Kebajikan Masyarakat, Daerah Padang Terap dan En Mohd Nazri bin Ali sebaku Penolong Pegawai Kebajikan Masyarakat, Daerah Padang Terap, Kuala Nerang, Kedah.